

Majlis Perniagaan Marriott Malaysia meraih hampir RM160 ribu untuk **YAYASAN BUAH PINGGANG KEBANGSAAN**

PADA tahun 2023, Majlis Perniagaan Marriott Malaysia telah berjaya mengutip dana hampir RM160,000 bagi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF). Cek sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Gregory Gubiani, Pengurus Besar The Westin Kuala Lumpur merangkap Pengerusi, Majlis Perniagaan Marriott - Rantau Malaysia, kepada Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Khor Xin Yun.

Majlis Perniagaan Marriott, dengan keahlian 43 Hotel Marriott, mengumpul sebahagian besar dananya melalui program larian amal tahunannya 'Road To Give' pada Oktober tahun lalu.

"Tahun ini merupakan tahun kelapan kerjasama kami dengan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan.



Kami berbesar hati kerana dapat menyumbang secara konsisten ke arah tujuan yang baik. Sejak 2015, Majlis Perniagaan kami telah mengumpulkan lebih RM660,000 untuk NKF, dengan hasil daripada Road To Give kami pada 2023 adalah yang tertinggi setakat ini. Ia benar-benar memberi inspirasi untuk melihat rakan sekerja kami bersatu tahun demi tahun untuk tujuan ini dan saya berharap 2024 akan melihat kami melakukan yang lebih baik" kata Encik Gubiani.

Sumbangan ini akan disalurkan untuk pembelian empat mesin dialisis baharu untuk pusat-pusat di Kuala Terengganu, Taiping, Kepong dan Klang.

Di Marriott International, budaya Rakyat Didahulukan (People-First) ialah komitmen yang merangkumi semangat perpaduan dan kedermawanan, dan Majlis Perniagaan Marriott Malaysia komited untuk mengorak ke arah perubahan positif dalam komuniti kita.